

PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG


KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

23 SEPT 2016

JUMAAT



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
HARIAN METRO	KASIH SUNGAI	2
HARIAN METRO	PANTANG LIHAT SAMPAH	3
HARIAN METRO	34 CCTV PANTAU ZON SERI ALAM	4
SINAR HARIAN	PIS HASILKAN MESIN PENYEJUK KOPI	5



HARIAN METRO

HM 23/9/16

FOTO: ZULKARNAIN AHMAD TAJUDIN

KASIH SUNGAI

■ Pekerja penyelenggaraan pungut sampah sebagai mata pencarian

Mohamad Fahd Rahmat
fahd@hmetro.com.my


Johor Bahru

Semuanya bermila 10 tabun lalu apabila Yusof Jantan, 66, yang bersara sebagai pekerja penyelenggaraan di pelabuhan Johor mengambil keputusan menjadi pemungut sampah di Sungai Masai di Kampung Pasir Gudang Baru, di sini, sebagai mata pencarian.

Dalam tempoh itu juga Yusof berburu pada sungai dengan membersihkan sampah-sarap sehingga kini.

YUSOF memungut botol plastik dan membersihkan sampah-sarap di Sungai Masai.

>>2



HARIAN METRO

«DARI MUKA I

Yusof berkata, lazimnya dia akan melakukan kerja berkenaan selepas selesai memungut ikan di bubu yang dipasang di sekitar pelabuhan.

"Jika habis memungut hasil tangkapan di bubu, saya akan menyusuri anak Sungai Masai di Kampung Pasir Gundang Baru.

"Saya akan membawa pencakar sampah untuk mengumpul dan membakar sampah-sarap kecuali botol plastik dan kelapa yang akan dikutip untuk dijual," katanya ketika ditemui, baru-baru ini.

Dia berkata, dia melakukannya kerana suka dengan kebersihan dan setiap kali matanya melihat sampah-sarap yang hanyut di sungai, hatinya tidak tenam.

"Saya pantang lihat sampah-sarap. Hendak harapkan siapa lagi yang menjaga sungai ini jika bukan kita dan nashan. Saya kepada masyarakat, jangan buang sampah ke dalam sungai, kelak anak cucu kita yang rugi," katanya.

Menurutnya, hasil menjual botol plastik dia memperoleh RM200 hingga RM300 seminggu bergantung pada kuantiti dan nilai semasa.

"Duit ini dapatlah untuk menambah pendapatan yang ada selain menjual kelapa hanyut dengan RM1 sebijil. Jika sungai ini kotor dan bubu tiada ikan, bolehlah menampung belanja dapur," katanya.

Pantang lihat sampah

■ Lakukan kerja pembersihan selepas pungut ikan dalam bubu sekitar pelabuhan



FOTO: ZULKARNAIN AHMAD TAUIIDDIN

KEADAAN sisa sampah yang memenuhi Sungai Masai.



HARIAN METRO



FOTO: NORAZIMAH NARUDIN

TUL. 23/9/2016

34 CCTV pantau Zon Seri Alam

Johor Bahru: Pemaja Johor Halal Park (JHP) berganding bahu dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi meningkatkan keselamatan di Zon Seri Alam.

Bagi membuktikan komitmen itu, JHP membelanjakan kira-kira RM500,000 bagi memasang 34 kamera litar tertutup (CCTV) berteknologi tinggi bagi memastikan kawasan itu dapat dipantau sem pemunya.

Ketua Pegawai Eksekutif JHP Mohd Noor Salam berkata, pihaknya menitikberatkan soal keselamatan dengan memasang CCTV di kawasan berkeluasan 20 hektar yang bakal siap hujung tahun ini.

Menurutnya, pihaknya juga bekerjasama dengan Pihak Berkurusan Wilayah Pem-

bangunan Iskandar (IRDA) dan PDRM bagi memastikan keselamatan di JHP terjaga.

"Kita akan mengubah stai bangunan di kawasan JHP untuk dijadikan pusat operasi keselamatan bagi kegunaan polis.

"Selain itu, CCTV ini akan disambungkan terus ke Ibu Pejabat Daerah (IPD) Seri Alam supaya polis boleh memantau keselamatan dari sana," katanya selepas Majlis Suai Kenal Ketua Polis Daerah dan Taklimat Pembangunan Johor Halal Park di Pejabat Johor Halal Park, baru-baru ini.

Turut hadir, Naib Presiden Kanan Pembangunan Sosial dan Keselamatan IRDA Ir Chek Samsudin Che Wan Ahmad.

Mohd Noor berkata, ker-

jasama bersama polis semangnya langkah paling baik bagi memastikan kawasan perindustrian itu bebas jenayah.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Seri Alam Superintendant Jokhir Abdul Aziz berkata, pihaknya yakin usaha itu mampu meningkatkan aspek keselamatan masyarakat setempat.

"Menerusi kerjasama ini, polis dapat berkongsi maklumat berhubung langkah pencegahan dan pemantauan membabitkan pelbagai jenis jenayah.

"Jenayah boleh berlaku di mana-mana tidak mengira tempat, bukan saja tertumpu di kawasan penempatan malah kawasan perindustrian turut tidak terkecuali," katanya.

MOHD Noor (tiga dari kiri) menunjukkan pelan lokasi pemasangan CCTV berprestasi tinggi.

SINAR HARIAN

SH 23/9/16

PIS hasilkan mesin penyejuk kopi

PASIR GUDANG - Keluhan seorang pengusaha kopi yang berdepan dengan masalah menyejukkan biji kopi selepas dimasak akhirnya terjawab apabila dibantu oleh sekumpulan penyelidik dari Politeknik Ibrahim Sultan (PIS), di sini.

Pemilik Hamidy Coffee Industries, Hamidy Hassan, 45, berkata, masalah menyediakan ramuan untuk membuat kopi yang dialaminya sejak dua tahun lalu akhirnya selesai selepas menerima sebuah Mesin Penyejuk Biji Kopi Automatik (Automated Coffee Bean Chiller) yang dibangunkan sejak April lalu.

Katanya, inisiatif pembinaan mesin tersebut berjaya direalisasikan selepas dibantu oleh geran penyelidikan daripada Rangkaian Penyelidikan Awam Swasta (PPRN) iaitu sebuah program di bawah kementerian pengajian tinggi (KPT) bertujuan untuk membantu pengusaha industri kecil dan sederhana (IKS).

"Saya dinasihatkan untuk berjumpa dengan pihak PPRN bagi mencari penyelesaian berkenaan masalah saya dan telah berjumpa dengan salah seorang penyelidik di sini pada awal tahun yang lalu.

"Masalah yang dihadapi ialah masa yang diambil untuk menyejukkan biji kopi terlalu lama sehingga melambatkan produktiviti pengeluaran serbuk kopi, malah saya juga terpaksa berdepan dengan kepanasan suhu 200 derjah celsius dari biji kopi yang dimasak pada setiap hari kerana sebelum ini hanya menggunakan kaedah manual untuk menyejukkan biji kopi," katanya ketika ditemui pada Majlis Penyerahan Produk Inovasi PIS, di sini, semalam.

Majlis telah disempurnakan oleh Ahli Parlimen Pasir Gudang, Datuk Normala Abdul Samad.

Hamidy berkata, pengeluaran produk kopinya juga diyakini mampu bertambah dengan adanya mesin penyejuk berkenaan.



Hamidy (dua,kanan) menerima sijil pemilikan yang disampaikan Normala pada majlis berkenaan.

